

Buletin

e-ISSN: 2600-8289


Rejab - Sya'ban 1443/ Mac 2022

ACIS

Kepentingan Penghayatan Adab



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 6 0 0 1

Pengantar Redaksi

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Prof Madya Dr. Abdul Halim Ramli
Siti Nur Husna binti Abd Rahman
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Norlela binti Kamaluddin

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS** siri ke-41 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Kepentingan Penghayatan Adab**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Kepentingan Penghayatan Adab **3**

Fiqh Awlawiyat dan Maqasid Syariah dalam Interaksi dengan Non-Muslim di Malaysia **5**

Punca Jiwa Kosong **8**

Daya Hamba **8**

HAKCIPTA TERPELIHARA

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Kepentingan Penghayatan



Oleh:

Prof Madya Dr. Abdul Halim Ramli

Profesor Madya Akademi Pengajian Islam Kontemporeri (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Pendahuluan

Adab sangat perlu sentiasa dilestarikan dalam kehidupan manusia walaupun apa sekali zamannya. Hal ini kerana, adab adalah asas penting dalam membentuk peradaban manusia. Peradaban manusia akan menuju ke arah kemerosotan sekiranya adab yang menjadi asas penting hubungan kemanusiaan dipinggirkan. Adab mempunyai kaitan yang sangat penting kepada faktor pertumbuhan, perkembangan dan kecemerlangan sesebuah peradaban dalam sejarah manusia. Kecemerlangan peradaban Islam pada masa silam bukan hanya terletak kepada kecemerlangan kemajuan ilmu dan kebendaan tetapi yang lebih penting adalah tinggi nilai adab yang dihayati dan diamalkan oleh umat Islam pada masa lalu. Justeru, mereka sentiasa mendahulukan adab terlebih dahulu sebelum mendalami ilmu pengetahuan dan semua kegiatan kehidupan. Perkara tersebut selalu ditekankan oleh para ilmuwan Islam terkenal, antaranya Ibnu Mubarak yang berkata: "pelajarilah adab sebelum kamu pelajari ilmu". Sudah pastilah bahawa adab yang difahami dan diaplikasikan adalah bersifat menyeluruh dan bukan terhad kepada perbuatan dan hubungan tertentu sahaja. Adab meliputi dimensi hubungan manusia secara vertikal dengan Tuhan dan hubungan secara horizontal iaitu hubungan sesama manusia dan lingkungannya.

Memahami makna adab

Adab berasal dari perkataan Arab, *adaba*, *aduba*, *addaba* yang membawa makna jemputan menghadiri jamuan, berakhhlak baik, melatih, mendidik menjadi baik seperti mendidik anak beradab atau berakhhlak mulia (Ahmad Zaki, 2020). Al-Jurjani dalam kitabnya *At-Ta'rifat* memberikan makna adab sebagai proses mencari ilmu pengetahuan (*irfan*) yang boleh melindungi diri mereka dari kesilapan (Komaruddin Sassi, 2018).

Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arabi* memberi takrifan adab sebagai kesopanan, keramahan dan kehalusan budi pekerti. Makna adab tersebut identik dengan akhlak. Adab juga dikaitkan dengan sastera yang membawa makna pengetahuan tentang perkara yang indah yang mencegah daripada kesalahan. Sehingga seorang Sasterawan disebut *adib*. Makna ini sama dengan makna adab yang diberikan oleh al-Jurjani (Akhmad Hasan, 2020). Dari perkataan adab lahir perkataan *ta'dib* yang membawa makna mendidik dan seorang guru yang mengajarkan akhlak dan keperibadian disebut sebagai *muaddib*. Adab juga mempunyai kaitan yang rapat dengan peradaban. Hal ini kerana, sesebuah masyarakat yang berperadaban adalah sebuah masyarakat yang mempunyai dan menghayati akhlak, memiliki kehalusan budi pekerti dan tatasusila.

Adab

Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas telah memberikan definisi adab sebagai pengetahuan terhadap tempat sebenar *right place* sesuatu perkara dalam hubungannya dengan fizik dan potensinya, intelektual dan spiritual dan pengakuan terhadap fakta bahawa ilmu dan bentuk disusun secara hierarki berdasarkan kepada maratib dan tingkatnya (al-Attas, 1984).

Dariuraian makna adab, dapat disimpulkan bahawa adab membawa makna yang luas yang meliputi makna akhlak, kesopanan, kehalusan budi pekerti, keindahan, mencegah dari kesalahan dan pengetahuan terhadap tempat yang betul (*right place*) yang berkaitan dengan alam fizik, intelektual dan spiritual serta mengiktiraf kedudukan *maratib* atau susun lapis ilmu pengetahuan. Dikatakan seorang yang beradab adalah seorang yang memiliki budi pekerti yang baik, mempunyai kehalusan tatasusila atau budi bahasa, tidak melakukan kesalahan atau kezaliman, mengiktiraf kedudukan susunan ilmu (*maratib ilmu*) dan menggunakan ilmu dengan betul serta melakukan penyaringan ilmu.

Ilmuwan beradab ialah seorang yang mengajarkan kebenaran dalam apa juga disiplin ilmu mereka. Mereka sentiasa bersedia melakukan penyaringan ilmu yang diambil dari mana-mana sumber ilmu dengan melihat dari kaca mata *worldview* Islam, mempertautkannya dengan Tauhid, syariah dan akhlak serta nilai bagi menjadikan ilmu tersebut sebagai sesuatu kebenaran. Hal ini kerana, ilmu yang benar tersebut menurut al-Attas ialah "ialah kebolehan mengenali tempat yang benar dan wajar bagi letaknya sesuatu itu di dalam ketertiban penciptaan yang dengan itu akan membawa kepada kebolehan mengenali tempat yang benar dan wajar bagi Tuhan dalam ketertiban wujud dan kewujudan (al-Attas 1991, 20).

Seorang yang beradab juga sentiasa meletakkan sesuatu perkara tersebut pada kedudukan yang betul dalam menyangkut hubungannya dengan Tuhan, manusia dan alam. Setiap perkara yang wujud di dalam sistem alam ini telah dijadikan Tuhan sesuai dengan kedudukan dan mempunyai sistemnya yang tersendiri sama ada menyangkut alam kecil (mikro-kosmos) atau alam besar (makro-kosmos).

Seorang yang beradab menurut al-Attas adalah seorang yang baik iaitu orang yang menyedari sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Maha Benar, memahami dan menuaikan keadilan terhadap dirinya dan orang lain dalam masyarakat, berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai manusia beradab. Seorang yang beradab adalah menggunakan epistemologi ilmu dengan benar, menerapkan keilmuan kepada objeknya secara adil dan mampu mengidentifikasi dan memilih ilmu pengetahuan yang betul. Seorang yang

beradab juga tidak melakukan kezaliman (Akhmad Hasan, 2020).

Kepentingan Adab

Betapa pentingnya adab dalam kehidupan manusia membawa banyak kitab yang telah dikarang oleh ulama Islam terdahulu. Antaranya Imam al-Mawardi mengarang kitab *Adabuddin-waddin*. Kitab ini telah diperluaskan penerangannya oleh Khan Zada melalui kitabnya bertajuk *Minhajul yaqin, syarah Adabudunia wa addin*.

Imam al-Ghazali pula mengarang kitab *Adabuddin*, manakala Ibnu Maskawayh mengarang kitab *Tahzibul Akhlaq* (Aboebakar Atcheh, 1998). Penulisan pelbagai kitab yang dihasilkan oleh ulama dan ilmuwan Islam berkisar kepada adab dan akhlak memperlihatkan kepentingan dan keutamaan adab yang dipupuk melalui wahana pendidikan sama ada secara formal atau informal, peringkat rendah atau tinggi.

Adab yang menjadi asas penting dalam tradisi pendidikan Islam juga turut ditekankan dalam tradisi pendidikan agama lain. Hal ini menunjukkan elemen adab adalah nilai universal yang sangat ditekankan dalam proses pendidikan bagi melahirkan manusia yang baik. Misalnya dalam tradisi pendidikan Yahudi bukan sahaja menekankan pendidikan bagi tujuan menyampaikan ilmu dan memenuhi tujuan lain tetapi juga menekankan kepentingan pendidik perlu menunjukkan contoh etika atau adab yang baik. Ia juga menekankan kepentingan mendidik pelajar dengan nilai etika seperti nilai ketaatan, dedikasi, kesabaran, maruah dan kehormatan (Tsuriel Rashi, 2018).

Beginu juga dalam tradisi pendidikan Konfusianisme yang sangat mementingkan moral. Kung Fu Tze mementingkan pendidikan moral seperti yang diajarkan melalui kitabnya yang terkenal *Lun Yu* (*Analect*). Penekanan yang utama diberikan oleh Kung Fu Tze terhadap nilai moral adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan stabil bagi mengelakkan berlakunya kekacauan dalam sosial dan politik di China. Kung Fu Tze mengajarkan nilai moral dalam kalangan pelajarnya bagi mengejar kebenaran dan integriti dalam sepanjang kehidupan mereka. Nilai moral tersebut sangat menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara mereka (Xie Yuhan, Ge Chen, 2013).

Pemimpinan adab akan membawa berlakunya apa yang disebutkan oleh al-Attas sebagai "*loss of adab*" yang membawa timbulnya pelbagai dilema dan masalah dalam kehidupan manusia. *Loss of adab* akan membawa berlakunya kehilangan keadilan akibat dari berlakunya kekeliruan dalam ilmu pengetahuan. Hal ini kerana, kekeliruan ilmu pengetahuan (*confusion in knowledge*) mengakibatkan pula kemunculan pemimpin palsu yang tidak berkelayakan. Mereka ini gagal melaksanakan keadilan disebabkan tidak mempunyai nilai moral, intelektual dan spiritual yang tinggi (al-Attas, 1993).

Kehilangan adab juga akan membawa wujudnya ketidakharmonian kehidupan pelbagai agama. Penghayatan adab membawa penganut agama bersikap terbuka dengan perbezaan dan kepelbagai kerana wujudnya sikap saling meraikan dan menghormati antara satu sama lain (Wan

Adab dan Keberkatan Ilmu

Keberkatan ilmu sesuatu yang dititikberatkan dalam tradisi pendidikan Islam. Keberkatan atau barakah secara mudah bermaksud kebaikan yang bertambah, berterusan dan berpanjangan. Contohnya, bagaimana Allah menurunkan keberkatanNya di bumi Mekah (Baitullah) yang sentiasa dikunjungi manusia untuk beribadah secara berterusan dan dilimpahi dengan segala kebaikan yang banyak di dunia dan akhirat seperti yang disebutkan Allah dalam Surah Ali Imran: 96.

Namun kini aspek keberkatan ilmu semakin diabaikan. Ilmu hanya dilihat sebagai wasilah untuk memperolehi kerja yang baik dan nilai kebendaan semata-mata yang tiada kaitannya dengan keberkatan. Sedangkan matlamat utama ilmu adalah untuk membentuk manusia menjadi insan dan warganegara yang baik dan soleh.

Keberkatan ilmu tidak dapat dipisahkan dengan aktualisasi adab dalam proses pendidikan. Aktualisasi Adab perlu dimodelkan terlebih dahulu oleh para pendidik. Ia perlu diterapkan dalam proses pendidikan. Justeru mereka perlu menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar mereka dan mereka perlu dihormati. Hal ini kerana, pendidik mempunyai kedudukan yang tinggi seperti yang disebutkan oleh Ahmad Shauqi melalui syairnya:

" Berdirilah bagi (memuliakan) guru kamu...dan berilah penghormatan kepada mereka.

Hampir- hampir guru itu menyerupai rasul.

Ketahui oleh kamu, orang yang paling mulia dan agung adalah orang yang membina dan membentuk diri dan kecerdikan..."(Ahmad Shauqi).

Ilmu adalah sesuatu yang mulia. Manakala memuliakan ilmu adalah dengan cara memuliakan orang yang menyampaikan ilmu tersebut. Memuliakan ilmu adalah juga mempraktikan adab dengan guru dan institusi ilmu. Dengan aktualisasi adab tersebut maka akan wujudlah keberkatan ilmu yang akan memberi kesan kepada kehidupan seseorang itu dalam apa juga situasi dan kondisinya.

Adab dengan ilmu sesuatu yang sangat berkaitan dan tidak boleh berlaku pengasingan di antara keduanya. Seseorang yang berilmu tinggi adalah seorang yang beradab tinggi. Tidak berguna seseorang yang berilmu tinggi jika tidak mempunyai adab yang baik. Dengan sebab itu, seseorang yang menuntut ilmu, perlu memahami dan menghayati adab menuntut ilmu. Sekiranya adab ini tidak dihayati maka keberkatan ilmu tidak dapat dicapai dan ilmu yang dicari tidak membawa kesan kepada pembentukan pemikiran dan keperibadian mereka ibarat mencurahkan air di atas daun keladi.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, adab adalah manifestasi dari penghayatan ilmu yang dijelmakan dalam pelbagai dimensi kehidupan. Adab dipupuk melalui proses pendidikan dan proses pendidikan tidak boleh meminggirkan adab.

FIQH AWLAWIYAT DAN MAQASID SYARIAH DALAM INTERAKSI DENGAN NON-MUSLIM DI MALAYSIA

Oleh:

Siti Nur Husna binti Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

PENGENALAN

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai kaum. Dalam konteks sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik, kaum dan kepercayaan yang tersendiri, interaksi sesama manusia amat penting untuk membentuk perpaduan dalam sebuah negara. Sebagaimana pada zaman pemerintahan Rasulullah, penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai budaya dan agama mampu hidup bersama dengan masyarakat Islam. Terbentuknya Sahifah al-Madinah yang mana menekankan tentang kerjasama penduduk bagi menjamin keamanan sebuah negara. Sahifah al-Madinah digubal bagi memelihara hak-hak pelbagai kaum dan Piagam Madinah ini mempunyai 47 fasal. Sebahagian daripada piagam madinah berkenaan Ansar dan Muhajirin dan selebihnya menceritakan tentang hubungan umat Islam dengan masyarakat bukan Islam.

Sejarah membuktikan bahawa hubungan yang baik antara umat Islam dan bukan Islam mampu membentuk sebuah negara yang maju. Masyarakat non-Muslim pada zaman pemerintahan Islam dahulu dikenali sebagai ahlu zimmah iaitu mereka yang dijamin keselamatannya selama berada di bawah pemerintahan Islam. Tambahan pula, masyarakat Islam mestilah berlaku adil kepada semua masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Mumtahanah ayat 8. Maksudnya: *"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil".*

Agama Islam menjadi asas dalam memandu amalan berinteraksi dalam kehidupan bermasyarakat yang tidak hanya terhad dalam pergaulan sesama Islam sahaja, malah turut melibatkan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam. Kedatangan Islam adalah untuk memimpin manusia ke arah keamanan, kasih sayang dan bekerjasama antara satu sama lain. Setiap hukum Islam perlulah memenuhi maqasid yang ditetapkan seperti memelihara agama, jiwa, akal, keterunan, dan harta. Maqasid Syariah menjadi asas bagi memastikan hukum Islam yang dikeluarkan memenuhi kehendak dan matlamat Allah S.W.T yang disyariatkan.

DEFINISI FIQH AWLAWIYAT DAN MAQASID

Menurut Al-Qaradhawi (2010), Fiqh awlawiyat atau fiqh keutamaan adalah suatu bidang ilmu yang meletakkan segala sesuatu mengikut urutan secara adil sama ada berupa hukum, nilai atau amal. Ibn Ashur (2001) pula telah mendefinisikan maqasid sebagai tujuan utama dan rahsia

yang terkandung dalam syariah Islamiyah dan pengertian yang dapat dilihat pada hukum yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagiannya. Fiqh keutamaan mempunyai hubungan dengan maqasid kerana fiqh awlawiyat adalah mendahulukan hukum syarak dengan hukum syarak yang lain dan maqasid diperlukan untuk mengenal pasti hukum syarak yang perlu didahulukan. Oleh yang demikian, kefahaman mengenai maqasid adalah penting kerana dapat menjelaskan sesuatu hukum sama ada secara umum atau khusus.

Jasser Auda (2014) telah membincangkan berkenaan sumbangan para ilmuwan berkenaan tafsiran baru atau istilah alternatif terhadap prinsip lima dalam maqasid. Sebagai contoh istilah pemeliharaan agama telah dikembangkan semula menjadi penjagaan keluarga. Di samping itu, pemeliharaan akal pula dikembangkan kepada matlamat pembangunan ilmu dan menolak taqlid buta. Pemeliharaan agama ditafsirkan sebagai kebebasan beragama dengan merujuk kepada ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 256 "...tiada paksaan di dalam agama". Bagi pemeliharaan jiwa dikembangkan menjadi perlindungan hak asasi kemanusiaan. Akhir sekali, penafsiran pemeliharaan harta pula dikembangkan kepada pembangunan ekonomi.

Menurut Kamus Dewan (2005), kafir atau orang bukan Islam adalah orang yang tidak percaya kepada Allah atau Rasul. Perkataan orang bukan Islam iaitu *kāfir* yang diambil dari kata asal *kafara*. Abdul Kadir (2001) berkata perkataan *syirk* merupakan perkataan yang seerti bagi kafir sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran surah an-Nisa ayat 116 dan 137. Dari sudut bahasa, syirk adalah kafir maka orang musyrik semestinya kafir kerana Allah s.w.t mendatangkan hujah dengan tidak menerima pembohongan berkenaan keesaan-Nya dan kewujudanNya.

Terdapat pelbagai perbahasan ulama berkenaan pembahagian golongan bukan Islam atau kafir. Antaranya menurut Sheikh Ghazali (2011), pembahagian golongan bukan Islam atau kafir terbahagi kepada empat iaitu kafir harbi, musta'min, mu'ahid dan zimmi. Kafir harbi adalah golongan bukan Islam yang tidak mempunyai ikatan perjanjian dengan kaum muslimin sama ada mu'ahid atau musta'min ataupun bukan kedua-duanya. Kafir mu'ahid pula ialah orang kafir yang membuat perjanjian dengan kaum muslimin ataupun istilah lain bagi kafir mu'ahidin ialah al-hudnah atau al-sulh. Manakala, kafir musta'min ialah orang kafir yang masuk ke negara orang lain dengan izin masuk (*al-amān*). Kafir zimmi ialah kafir yang memohon untuk mendapatkan keamanan, menjadi rakyat bagi negara Islam serta taat dan patuh pada pemerintah Muslimin.

Manakala menurut Zahari (2011) pula, Imam Ibn Hajar al-Asqalani berkata "Golongan Musyrikin terbahagi kepada dua di sisi Rasulullah dan orang Islam. Golongan yang pertama adalah kafir musyrik dalam kalangan kafir harbi yang memerangi orang Islam dan diperangi oleh orang Islam dan golongan yang kedua adalah kafir musyrik yang mempunyai perjanjian dan tidak memerangi atau diperangi orang Islam".

Menurut At-Thoriqi (2007) pula, harbi menurut fuqaha adalah sesiapa yang memerangi umat Islam atau berpakat dengan kaum yang memerangi umat Islam sama ada peperangan yang sedang berlaku atau akan berlaku. Manakala, zimmi pula bermaksud kafir yang masuk ke negara Islam dengan bersifat selamanya selepas membayar jizyah dan patuh dengan peraturan yang ditetapkan. Kafir musta'min adalah bagi mereka yang meminta keamanan dari negara Islam. Menurut fuqaha, mu'ahadat adalah mereka yang bersetuju untuk meninggalkan peperangan dalam tempoh tertentu.

Beberapa ulama telah bersepakat berkenaan perkataan kafir dan musyrik merupakan satu kalimah yang seerti dan golongan kafir terbahagi kepada empat bahagian iaitu zimmi, harbi, mu'ahid dan musta'min. Perkataan *zimmah* bermaksud perjanjian. Ahli *Zimmah* menurut istilah sekarang adalah warganegara dalam negara Islam (al-Qaradhawi, 2002). Mereka mempunyai hak dan kewajiban yang sama dengan kaum muslimin kecuali dalam urusan agama. Sebagaimana menurut Syihabuddin al-Qarafi "Perjanjian perlindungan menentukan hak yang harus dipenuhi kerana mereka berada di samping kita dalam perlindungan kita. Sesiapa mengganggu mereka walaupun dengan perkataan yang teruk atau mengumpat sehingga menodai kehormatan mereka maka dia telah mengabaikan perlindungan Allah, perlindungan Rasul dan perlindungan Dinul Islam" (Al-Qarafi, 2001).

BAGAIMANA BERINTERAKSI DENGAN NON-MUSLIM DALAM KONTEKS ISLAM DAN MALAYSIA

Asas Islam dalam menyelaraskan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam

Nabi S.A.W telah menerima wahyu pertama baginda pada usia 40 tahun dan memulakan dakwahnya kepada orang-orang terdekatnya dahulu iaitu isterinya, sahabatnya dan saudaranya. Tugasnya ialah menyampaikan Islam dan ajaran kepada manusia yang diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada hambaNya. sehinggalah ada yang telah Islam kerana dakwahnya.

Asas ini telah diletakkan dalam Islam supaya pergaulan, sikap dan cara berkomunikasi dengan orang bukan Islam terus terpelihara. Perkara ini juga telah diperaktikkan oleh Nabi S.A.W sendiri (Abdelsalam & Al-Sayeh t.th.). Antara asasnya adalah dinyatakan seperti berikut:

1. Saling membantu untuk menjamin kebaikan insaniah
2. Menepati janji
3. Menjamin keamanan dunia
4. Menjamin atau melaksanakan keadilan di dunia

Prinsip- Prinsip dalam Berinteraksi dengan Non-Muslim

Syariah Islam merupakan suatu ajaran yang sesuai sepanjang zaman, sesuai dengan tempat dan keadaan semasa. Sehingga detik ini Syariah Islam menjadi landasan untuk mencapai sesuatu kehendak dan disesuaikan mengikut keadaan semasa.

Dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam, ada beberapa prinsip yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian. Antaranya menurut Mohammad Nidzam (2009) menyatakan seperti berikut:

1. Toleransi dan tasammuh
2. Mengutamakan perkara yang lebih utama
3. Menunjukkan contoh imej yang baik

APLIKASI FIQH AWLAWIYAT DAN MAQASID DALAM INTERAKSI DENGAN NON-MUSLIM DI MALAYSIA.

Terdapat beberapa contoh yang dapat diambil bagi merujuk kepada aplikasi Fiqh Awlawiyat dan Maqasid Syariah.

Perlembagaan Malaysia merupakan contoh yang selaras dengan maqasid syariah. Kita dapat melihat aspek pemeliharaan agama dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh di dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 3(1) telah memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan bertepatan dengan majoriti penduduk di Malaysia adalah penduduk Melayu yang mana takrifan Melayu sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan persekutuan adalah beragama Islam dan berbahasa Melayu. Sebagaimana yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 3(1) iaitu agama Islam merupakan agama persekutuan namun menurut perkara 11(1) juga agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman di mana-mana bahagian persekutuan. Hal ini menunjukkan sikap toleransi Kerajaan Malaysia dalam aspek memelihara agama dan mengamalkan pendirian dan keyakinan mereka terhadap kepelbagaiannya kaum dan memelihara hak-hak mereka di Malaysia. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Jasser Auda (2014) berkenaan istilah pemeliharaan agama yang telah dikembangkan kepada kebebasan beragama.

Namun begitu, bagi memenuhi maqasid syariah iaitu pemeliharaan agama terutama agama Islam, Perlembagaan Malaysia telah memberi kuasa kepada mana-mana kerajaan negeri untuk menyekat sebarang aktiviti penyebaran agama lain di negara ini terutama berkenaan agama Islam. Sikap toleransi dalam interaksi dengan bukan Islam adalah perkara penting bagi memastikan keamanan dan keharmonian sesebuah negara. Untuk golongan bukan Islam pemeliharaan agama juga terjamin dalam syariah kerana mereka juga mempunyai hak mereka. Sebagaimana yang kita tahu, golongan bukan Islam tidak boleh dipaksa untuk memeluk agama Islam sebagaimana yang disebut di dalam surah al-Baqarah ayat 256 "*Tiada paksaan dalam agama...*". Selain itu, kebebasan bersuara yang disebut di dalam perkara 10 (Perlembagaan Persekutuan 2014) menunjukkan aspek pemeliharaan akal yang mana memberikan hak menyuarakan pendapat mereka tanpa mengira agama dan kaum.

Selain daripada memelihara agama dan akal, Islam juga turut melindungi hak-hak lain bagi orang bukan Islam (kafir zimmi) seperti pemeliharaan harta. Pengiktirafan terhadap pemilikan harta telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan 2014 perkara 13(1) dan 13(2) iaitu tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya atau tiada undang-undang yang membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta tersebut dengan paksa. Selain itu, contoh di dalam isu pengharaman penggunaan kalimah Allah di Malaysia (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah membincangkan Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah. Muzakarah telah memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama Islam dan umat Islam. Maka ia tidak boleh digunakan

atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Di samping itu, kalimah Allah merupakan kalimah yang berkait rapat dengan akidah dan kesucian agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa muzakarah fatwa Majlis Kebangsaan telah mengaplikasi fiqh awlawiyat apabila mereka menggunakan prinsip dan kaedah mengutamakan maslahah umum berbanding maslahah khusus.

Sebagaimana yang diketahui kalimah Allah merupakan kalimah suci bagi umat Islam di samping dikhawatir kemungkinan terdapat kekeliruan akan berlaku kepada umat Islam dan kemungkinan juga akan berlaku pergaluhan yang lebih besar maka muzakarah fatwa telah memilih maslahah umum dengan memutuskan supaya kalimah Allah merupakan kalimah suci khusus bagi agama Islam. Manakala penggunaan kalimah Allah bagi penganut Kristian adalah maslahah khusus.

Selain itu, isu berkenaan Amanah Saham Bumiputera (ASB) telah menjadi perbualan hangat di kalangan ulama-ulama kontemporari. Pelbagai pendapat yang dikeluarkan berkenaan isu halal dan haram ASB dan akhirnya menyebabkan kekeliruan berlaku dalam kalangan umat Islam. Namun, Muzakarah Fatwa Kebangsaan telah mengambil keputusan dengan mengutamakan maslahah umum iaitu mengharuskan pelaburan ASB bagi menjaga dan membangunkan ekonomi negara.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, Nabi S.A.W telah mengajar kita bagaimana berinteraksi dengan non-Muslim. Pelbagai contoh akhlak dan keperibadian Nabi S.A.W telah ditonjolkan ketika Nabi berurusan dengan orang bukan Islam sehingga ada yang memeluk Islam hanya kerana melihat keperibadian Baginda yang terlalu lembut, bersopan dan tenang walaupun diperlakukan dengan tidak sepatutnya. Akhlak yang ditunjukkan oleh Baginda ini bukanlah hasil daripada ijtihad Baginda tanpa sebarang panduan wahyu daripada Allah s.w.t.

Dalam konteks semasa di Malaysia hari ini, perbezaan agama, budaya dan cara amalan masing-masing berbeza dan kerana hal tersebut interaksi antara orang Islam dan bukan Islam amatlah diperlukan untuk menjamin kesejahteraan dan keamanan untuk semua kaum penduduk Malaysia. Interaksi ini juga perlu untuk saling bekerjasama dalam memajukan sebuah negara, berkongsi idea, saling bertukar pendapat demi menunjukkan kepada negara luar bahawa orang bukan Islam di negara ini tidak ditindas dan tidak disakiti kerana Islam itu sendiri tidak menyakiti dan tidak menzalimi mana-mana agama seperti yang tersebar di luar yang menyatakan bahawa Islam ialah pengganas. Kalauolah Islam itu pengganas, sudah pasti seluruh rakyat yang berbeza agama ini telah lama dibunuhan dan dihapuskan dari negara Malaysia.

Oleh yang demikian, orang Islam seharusnya menunjukkan contoh yang baik sepetimana ditunjukkan oleh akhlak Nabi S.A.W dalam berinteraksi dengan non-Muslim dan hendaklah tidak saling bercanggah antara satu sama lain untuk memastikan sebuah negara Islam ini terus aman dan damai meskipun berada dalam pelbagai kaum dan agama.

Aplikasi Fiqh aulawiyat dan maqasid dalam kehidupan seharian perlulah ditentukan berdasarkan ilmu pengetahuan tanpa mengikut hawa nafsu. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip – prinsip dan asas-asas dalam berinteraksi dengan non Muslim sebagai panduan kepada umat Islam bagi memastikan umat Islam dapat menentukan hukum berdasarkan syariah Islam.

RUJUKAN

- Abdelsalam, Jaafar, & Al-Sayeh, Ahmed. t.th. Al-Muslimuna Wal Akhar. Al-Jamiah Al-Azhar.
- Abdul Kadir, Mahmud Bakar. 2001. Al-Taa'yush Al-Silmi Bayna Al-Muslimin Wa Ghayrihim Dakhil Dawlah Wahidah. 1st ed. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2010. Fiqh Keutamaan. al-Mubarak Abu Ezzat (pnyt.). 2nd ed. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2014. Fiqh Keutamaan: Keutamaan Seorang Muslim. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. 2001. Kitab Al-Furuq Anwaru Al-Buruq Fi Anwai' Al-Furuq. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qardhawi, Dr Yusuf. 2002. Halal Dan Haram. 5th ed. Jakarta: Rabbani Press.
- At-Thoriqi, Abdullah bin Ibrahim. 2007. Al-Taa'mul Ma'a Ghairi Al-Muslimin. 1st ed. Riyad: Dar al-Fadhilah.
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. 2001. Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyah. 2nd ed. Amman: Dar al-Nafais.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2009. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. www.islam.gov.my.
- Jasser Auda. 2014. Memahami Maqasid Syariah Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari. 1st ed. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Kamus Dewan. 2005. 4th ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Nidzam, Abdul Kadir. 2009. Bagaimana berinteraksi dengan non muslim. Dlm. Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor.
- Perlembagaan Persekutuan. 2014. Malaysia: International Law Books Services.
- Sheikh Ghazali, Abdul Rahman. 2011. Bukan islam dan kehakiman dalam islam. Dlm. Ali Abdul Karim & Ahmad al-Mustapha Rumaizi (pnyt.). Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, hlm. 145–60. Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publication.
- Zahari, Mahad Musa. 2011. Hak-hak mengamalkan ajaran agama masyarakat bukan islam dalam sebuah negara Islam. Dlm. Ali Abdul Karim & Ahmad al-Mustapha Rumaizi (pnyt.). Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, hlm. 61–76. Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publication.

Punca Jiwa Kosong

Oleh:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

PUNCA JIWA KOSONG

Tujuan hidup masih belum jelas. Persoalan persoalan seperti dari mana aku datang, siapa yang menciptakan aku, untuk apa aku diciptakan, ke mana aku selepas dunia musnah, perlu selalu ditanya kepada diri sendiri supaya dapat hidup di dunia dengan agenda yang teratur dan bermatlamat.

Tips ubati jiwa yang kosong

1. Membaca Al-Quran

Jadikanlah al-Quran sebagai ubat motivasi. Terapkan ajaran al-Quran dalam realiti kehidupan. Ambil ilmu daripada al-Quran dan mengamalkan. Berusaha disiplinkan diri mengkhatamkan bacaan al-Quran.

2. Qiamullail

Mulakan dengan yang sedikit. Yang penting, dapat melakukan qiamullail secara istiqamah. Bangun malam sebulan sekali, kemudian latih untuk bangun malam seminggu sekali pula dan seterusnya menjadi amalan setiap malam. Kejut orang lain untuk qiamullail bersama.

3. Istighfar

Baca perlahan-lahan untuk menghayati makna yang dilafazkan. Maksud istighfar: "aku mohon keampunanmu, tiada Tuhan kecuali Engkau yang sentiasa hidup dan sentiasa waspada (jaga). Ya Allah, aku bertaubat kepadamu".

4. Mengingati mati

Tubuh terburjur kaku, manusia menangisi pemergian, harta dan pangkat tidak boleh dibawa bersama. Apakah amalan yang hendak disembahkan? Jangan terkurang walaupun sedikit dalam sehari.

5. Menangis dan mengadu

Tiada siapa yang lebih kuat melainkan Allah, tempat memohon kekuatan. Semoga dengan mengadu kepada Rab, segera menyembuhkan penyakit jiwa. Hadis Nabi s.a.w. maksudnya "Aku haramkan neraka kepada mata yang selalu menangis kerana takut kepada Allah" (Riwayat Ahmad dan Nasa'i).

DAYA HAMBA

Oleh:

Norlela binti Kamaluddin

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Manusia itu hamba
Yang berani
mengejar hak

Malang...

Manusia itu hamba
Yang bangga
meninggalkan amanah

Sesungguhnya
Allah Maha Pemurah
Allah Maha Kaya

Manusia ini hamba
Yang rugi dan muflis

Nukilan: Malam Cahaya